

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGUBAHAN SYARAT KE ATAS SURAT KELULUSAN BERSYARAT BAS PERSIARAN / KERETA SEWA DAN PANDU

1. Pemohonan hendaklah menggunakan **Borang 7 (Subperaturan 4(4))**.
2. Pemohon boleh memohon pengubahan syarat ke atas beberapa surat kelulusan bersyarat dengan menggunakan satu borang sahaja
3. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan bersama dengan dokumen sokongan seperti dinyatakan dalam borang. Borang tersebut mestilah ditandatangani oleh Pengarah dan dilengkapi dengan cop syarikat.
4. Borang permohonan hendaklah sampai kepada Pesuruhjaya Pelancongan tidak kurang 30 hari sebelum tamat tempoh surat kelulusan bersyarat.
5. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pelesenan melalui Pejabat Pelesenan Wilayah yang berkenaan.
6. Menyertakan fi pemerosesan sebanyak RM10.00 bagi setiap surat kelulusan bersyarat dalam bentuk Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan.
7. Pemohon hendaklah menyelesaikan kompaun yang dikenakan kerana melanggar AIP 1992 dan APKP 1999 (Jika ada).
8. Fi RM20.00 untuk setiap kelulusan
9. Piagam Pelanggan: **7 – 10 hari**
10. Jenis-jenis pengubahan syarat-syarat lesen bas persiaran / kereta sewa dan pandu:
 - a. Lanjut tempoh surat kelulusan –
Tempoh surat kelulusan : 1 tahun
Lanjut tempoh : 6 bulan + 6 bulan
Sekiranya masih gagal untuk melesenkan kenderaan selepas 2 tahun, pelanjutan seterusnya dikaji berdasarkan kes.
 - b. Ubah bilangan tempat duduk –
Bas persiaran :
 - i. 8-16 penumpang
 - ii. 17-26 penumpang
 - iii. 27-40 penumpang
 - iv. 44 penumpang (ruang kaki mestilah minimum 15.6’’)
 - v. 45 penumpang – dikaji berdasarkan kes

Dokumen sokongan

- a. Salinan lesen KPL
- b. Surat asal "Surat Kelulusan Bersyarat" yang telah diterima
- c. Borang spesifikasi asal yang telah diterima
- d. Justifikasi permohonan pengubahan / pelan kenderaan baru yang diluluskan oleh JPJ. (Sekiranya momohon pengubahan bilangan tempat duduk).
- e. Salinan resit pembelian / tempahan kenderaan atau apa-apa dokumen yang berkaitan dengan permohonan